KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 26 MAC 2024

## LAPORAN HARIAN

26/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **509 KES BUANG BAYI DARI 2018 HINGGA FEBRUARI LALU** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073852/509-kes-buang-bayi-dari-2018-hingga-februari-lalu | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227819/509-kes-buang-bayi-dilaporkan-sejak-2018-hingga-februari-lalu | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/25/nancy-shukri-509-baby-dumping-cases-reported-from-2018-to-february/125435 | MALAYMAIL.COM |
| | https://thesun.my/local_news/nancy-509-baby-dumping-cases-reported-from-2018-to-february-DE12259309 | THESUN.MY |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2282565 | BERNAMA.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/509-kes-buang-bayi-dilaporkan-sejak-2018-hingga-februari-lepas-463863 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/656529/berita/nasional/509-kes-buang-bayi-dilaporkan-sejak-2018-hingga-februari-lepas | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=1Ux2-IDmJeI | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/509-kes-buang-bayi-dilaporkan-sejak-2018-hingga-februari-lalu-x8vmu7e | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **79,483 WANITA TERIMA MANFAAT PROGRAM WCARE** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227585/79483-wanita-terima-manfaat-program-wcare | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/03/25/dewan-negara-79483-wanita-terima-manfaat-kempen-wcare-tahun-lepas-nancy/ | TVSARAWAK.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2282382 | BERNAMA.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/25/deputy-minister-79483-women-benefitted-from-wcare-programme/125341 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2282398 | BERNAMA.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/03/25/79483-wanita-dapat-manfaat-wcare/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/79483-wanita-terima-manfaat-program-wcare-463778 | ASTROAWANI.COM |

26/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **PASTIKAN KANAK-KANAK, REMAJA TIDAK TERJERUMUS ISU SOSIAL - NANCY** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073931/pastikan-kanak-kanak-remaja-tidak-terjerumus-isu-sosial-nancy | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2282695 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2282702 | BERNAMA.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/25/nancy-shukri-all-parties-responsible-for-welfare-of-children-youths/125495 | MALAYMAIL.COM |
| | https://suara.tv/25/03/2024/99-speed-mart-agih-10000-kit-kepada-makanan-golongan-kurang-bernasib-dan-asnaf-islam/ | SUARA.TV |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **200 RECIPIENTS RECEIVE FINANCIAL AID IN KUCHING FOR RAMADAN** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1030333/200-recipients-receive-financial-aid-kuching-ramadan | NST.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=q-GbLR4iW3E | YOUTUBE |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/25/penglibatan-pelbagai-pihak-ykn-dialu-alukan-untuk-bantu-lebih-banyak-golongan-memerlukan | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=6d2GQfYp1EA | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **GOVT REVISING LAW TO ENHANCE RIGHTS OF DIFFERENTLY-ABLED** | |
| | https://thesun.my/local_news/govt-revising-law-to-enhance-rights-of-differently-abled-HE12255516 | THESUN.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **SEKITAR PERHIMPUNAN DAN PROGRAM PENERAPAN NILAI NILAI MURNI RAMADAN KPWKM 2024** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=NDlPkMNUy8c | YOUTUBE |

26/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **SEKITAR MAJLIS SINAR RAMADAN KUMPULAN SUNWAY BERSAMA KPWKM** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=mFpDa7a660Q | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KPWKM AMBIL SERIUS ISU GURU BERCINTA DENGAN MURID — NANCY** | |
| | https://majoriti.com.my/berita/2024/03/25/kpwkm-ambil-serius-isu-guru-bercinta-dengan-murid---nancy | MAJORITI.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/03/26/polis-lengkapkan-kertas-siasatan-kes-salah-laku-seksual-guru-wanita-pelajar/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227533/dakwaan-guru-jalin-hubungan-dengan-murid-kpm-tak-tolak-ansur-kes | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/656564/berita/semasa/dakwaan-salah-laku-seksual-polis-rakam-keterangan-guru-wanita | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/25/we-will-not-tolerate-sexual-harassment-says-education-ministry | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **JKM KELANTAN DEDAH PENGEMIS RAIH PENDAPATAN SEHINGGA LIMA ANGKA PADA RAMADAN** | |
| | https://thesun.my/cerita/jkm-kelantan-dedah-pengemis-raih-pendapatan-sehingga-lima-angka-pada-ramadan-PE12258676 | THESUN.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073871/3-hari-mengemis-dapat-rm700 | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/656439/edisi/kelantan/pengemis-raih-sehingga-lima-angka-sepanjang-ramadan#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/03/25/pengemis-di-kelantan-dapat-hasil-cecah-lima-angka-sepanjang-ramadan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/bazar-ramadan-jadi-tumpuan-pengemis/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://mykmu.net/2024/03/25/pengemis-di-kelantan-dapat-hasil-cecah-lima-angka-sepanjang-ramadhan/#google_vignette | MYKMU.NET |
| | https://thesun.my/home_news/jkm-beggars-in-kelantan-can-earn-5-figure-income-during-ramadan-month-FE12259639 | THESUN.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/25/pengemis-kelantan-mampu-raih-derma-5-angka-pada-ramadan-kata-jkm/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

26/3/2024

| | | |
|---|---|---|
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2282572 | BERNAMA.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/03/25/beggars-in-kelantan-collecting-huge-amounts-during-ramadan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/ramadan-pengemis-mampu-jana-pendapatan-lima-angka/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **DIKHUATIRI DIDALANGI SINDIKET, MANIPULASI KANAK-KANAK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073616/dikhuatiri-didalangi-sindiket-manipulasi-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **2,417 PENERIMA BANTUAN JKM BAHAGIAN SAMARAHAN TERIMA SUMBANGAN SEJAMBAK KASIH AIDILFITRI** | |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/03/25/2417-penerima-bantuan-jkm-bahagian-samarahan-terima-sumbangan-sejambak-kasih-aidilfitri/ | TVSARAWAK.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/25/2417-penerima-terima-sumbangan-menerusi-program-sejambak-kasih-aidilfitri | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **OSTPC SEDANG KESAN IBU BAYI YANG DILETAKKAN DALAM 'BABY HATCH' BMC** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/25/ostpc-sedang-kesan-ibu-bayi-yang-diletakkan-dalam-baby-hatch-bmc | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://suarasarawak.my/bayi-perempuan-pertama-diselamatkan-melalui-baby-hatch-bmc/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **JENAYAH SEKSUAL MENINGKAT DI PERLIS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073713/jenayah-seksual-meningkat-di-perlis | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/polis-perlis-fokus-tangani-kes-seksual-kanak-kanak-bawah-umur/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2282704 | BERNAMA.COM |

26/3/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 14 | **REMAJA DIROGOL TEMAN LELAKI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1227763/remaja-dirogol-teman-lelaki | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073812/remaja-ditahan-disyaki-rogol-kekasih | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/656479/berita/semasa/remaja-lelaki-ditahan-disyaki-rogol-pelajar-tingkatan-tiga | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/25/disyaki-rogol-pelajar-tingkatan-3-remaja-ditahan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 15 | **GURU BAHASA ARAB DIARAH BELA DIRI KE AMANG SEKSUAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227701/guru-bahasa-arab-diarah-bela-diri-ke-amang-seksual | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073790/guru-bahasa-arab-cabul-murid-dalam-perpustakaan-diarah-bela-diri | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=nFYhQKhWW28 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=9zKgTo9saLQ | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 16 | **ROGOL REMAJA BAWAH UMUR, PEKERJA KURIER KENA DAKWA LAGI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073798/rogol-remaja-bawah-umur-pekerja-kurier-kena-dakwa-lagi | HMETRO.COM.MY |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 509 BABY DUMPING CASES REPORTED FROM 2018 TO FEBRUARY 2024 - NANCY | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# 509 baby dumping cases reported from 2018 to February 2024 — Nancy

**KUALA LUMPUR:** A total of 509 cases of baby dumping were reported between 2018 and February this year, with investigation papers opened by the Royal Malaysia Police (PDRM), said Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said three states recorded the highest cumulative number of cases during that period, with Selangor recording 111 cases, followed by Johor (64) and Sabah (56).

"Of the total, to date, 50 cases or 9.82 per cent have been charged in the Magistrates' Court under Section 317 of the Penal Code by the Attorney-General's Chambers.

"All charges made are for cases where the suspect or perpetrator has been successfully identified, while the rest are cases where the suspect or perpetrator has yet to be identified," she said during a Special Chambers session of the Dewan Rakyat yesterday.

She said this in replying to a question from Young Syefura Othman (PH-Bentong) who inquired about the statistics of infant abandonment cases between 2018 and 2024 broken down by state.

Nancy said that every investigation paper containing information and evidence referred to the Attorney-General's Chambers by the Royal Malaysia Police would be thoroughly examined by related agencies under the Ministry of Women, Family, and Community Development (KPWKM).

She said the perpetrators involved were charged under Section 302 of the Penal Code or Section 307 of the Penal Code, for the offences of murder or attempted murder respectively, provided that the evidence and investigation results meet all elements of the offence stipulated under the respective sections.

Meanwhile, she said that from 2022 to 2023, the Social Welfare Department (JKM) had rescued 101 children classified as children abandoned by their mothers or fathers or guardians.

She said out of that number, four children were abandoned due to financial problems, three cases were due to family disputes, and two cases each were due to children with disabilities and children cared for by others during childhood.

"In addition, it also involved 11 cases of children abandoned because they were illegitimate, 15 cases due to parental or guardian negligence, while for the remaining 64 cases detailed information about them could not be gathered," she said.

According to Nancy, 19 out of the 101 unfortunate children were placed under foster care by suitable parents or caregivers, while the rest were still in the process of placement. — Bernama

# 509 kes buang bayi dari 2018 hingga Februari lalu

BERNAMA




GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Sebanyak 509 kes pembuangan bayi dilaporkan berlaku dalam tempoh 2018 hingga Februari lepas, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata tiga negeri mencatatkan jumlah kes kumulatif tertinggi dalam tempoh berkenaan iaitu Selangor dengan 111 kes, diikuti Johor (64) dan Sabah (56).

Menurutnya daripada jumlah itu, 50 kes atau 9.82 peratus telah dituduh di Mahkamah Majistret di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

"Kesemua pertuduhan adalah bagi kes yang suspek atau pelakunya berjaya dikesan, manakala selebihnya suspek atau pelaku masih tidak dapat dikesan," katanya sebagai respons kepada ucapan Young Syefura Othman (PH-Bentong) berhubung kes pembuangan bayi pada sesi Kamar Khas Dewan Rakyat hari ini.

Nancy berkata tindakan juga akan diambil terhadap pelaku mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan atau Seksyen 307 Kanun Keseksaan iaitu masing-masing bagi kesalahan bunuh dan cubaan bunuh sekiranya hasil siasatan memenuhi setiap elemen kesalahan diperuntukkan di bawah seksyen terbabit.

Sementara itu, beliau berkata bagi tempoh 2022 hingga 2023, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyelamatkan 101 kanak-kanak yang diklasifikasikan sebagai kanak-kanak dibuang ibu atau bapa atau penjaga.

Beliau berkata daripada jumlah itu, 15 kes disebabkan kecuaian ibu bapa atau penjaga, 11 kes kanak-kanak dibuang kerana anak tidak sah taraf, faktor masalah kewangan (empat kes) dan perbalahan keluarga (tiga kes).

Katanya, masing-masing dua kes disebabkan kanak-kanak kurang upaya dan kanak-kanak yang dipelihara orang lain semasa kecil, manakala 64 kes lagi tidak dapat dikumpulkan maklumat secara terperinci.

Nancy berkata 19 daripada 101 kanak-kanak malang itu ditempatkan dalam jagaan ibu bapa peliharaan atau orang yang layak dan sesuai (OYLS), manakala selebihnya masih dalam proses penempatan ke dalam jagaan ibu bapa atau OYLS.

**Disiarkan pada: Mac 25, 2024 @ 6:09pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 79,483 WANITA TERIMA MANFAAT PROGRAM WCARE | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# 79,483 wanita terima manfaat Program WCaRe

**Kuala Lumpur:** Seramai 79,483 wanita di seluruh negara telah menerima manfaat menerusi Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) pada tahun lalu dengan 20,793 atau 21.2 peratus daripadanya merupakan penduduk luar bandar.

***Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Dr Noraini Ahmad*** berkata, daripada jumlah itu, seramai 8,789 wanita merupakan penduduk Sabah dengan 46.5 peratus daripadanya adalah wanita luar bandar.

"WCaRe memayungi program saringan kanser servik dan program subsidi ujian mamogram yang bertujuan meningkatkan kesedaran golongan wanita mengenai kepentingan saringan kanser servik dan kanser payudara sekali gus meningkatkan jumlah wanita yang tampil untuk menjalani saringan ini," katanya.

Beliau berkata demikian di Dewan Negara bagi menjawab soalan Senator Datuk Noraini Idris berhubung keberkesanan kempen WCaRe dalam menyedarkan golongan wanita untuk menjalani ujian awal penyakit berkenaan, khususnya wanita luar bandar di Sabah.

Sementara itu, beliau berkata, sepanjang pelaksanaan WCaRe bermula 2019 hingga Disember 2023, seramai 6,021 wanita di Sabah mendapat manfaat menerusi semua program bantuan yang telah dijalankan melalui pelbagai kolaborasi dengan agensi lain.

# 79,483 wanita terima manfaat Program WCaRe

BERNAMA - Mac 25, 2024 @ 11:39am




Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad. - Foto fail BERNAMA

KUALA LUMPUR: Seramai 79,483 wanita di seluruh negara telah menerima manfaat menerusi Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) pada tahun lalu dengan 20,793 atau 21.2 peratus daripadanya adalah penduduk luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata daripada jumlah itu seramai 8,789 wanita merupakan penduduk Sabah dengan 46.5 peratus daripadanya adalah wanita luar bandar.

"WCaRe memayungi program saringan kanser servik dan program subsidi ujian mamogram yang bertujuan meningkatkan kesedaran golongan wanita mengenai kepentingan saringan kanser servik dan kanser payudara sekali gus meningkatkan jumlah wanita yang tampil untuk menjalani saringan ini," katanya.

Beliau berkata demikian di Dewan Negara bagi menjawab soalan Senator Datuk Noraini Idris berhubung keberkesanan kempen WCaRe dalam menyedarkan golongan wanita untuk menjalani ujian awal penyakit berkenaan, khususnya wanita luar bandar di Sabah.

Sementara itu, beliau berkata sepanjang pelaksanaan WCaRe bermula 2019 hingga Disember 2023, seramai 6,021 wanita di Sabah telah mendapat manfaat menerusi semua program bantuan yang telah dijalankan melalui pelbagai kolaborasi dengan agensi lain.

Noraini berkata ketika ini WCaRe dilaksanakan di 50 klinik Nur Sejahtera yang berdaftar dan 15 Pusat Keluarga Bergerak di seluruh negara, dengan 57,000 wanita seluruh negara disasar menerima manfaat menerusi kempen itu, tahun ini.

Beliau berkata Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan terus berusaha meningkatkan bilangan penerima dalam kalangan penduduk luar bandar dengan memperbanyakkan program bantuan dan menyediakan insentif pengangkutan ke 50 panel pusat mamogram di negara ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGLIBATAN PELBAGAI PIHAK, YKN DIALU-ALUKAN BANTU LEBIH BANYAK GOLONGAN MEMERLUKAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**UNTUK ALBUM:** Nancy merakam kenangan bersama sekumpulan penerima sumbangan pada majlis itu di Kuching kelmarin. — Gambar Penerangan

# Penglibatan pelbagai pihak, YKN dialu-alukan bantu lebih banyak golongan memerlukan

**KUCHING:** Penglibatan pelbagai pihak untuk tampil memberi sumbangan bersama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dialu-alukan dalam membantu golongan yang memerlukan di negara ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, kerjasama pelbagai pihak itu sekali gus membolehkan lebih ramai golongan sasar dapat dibantu.

Menurutnya, kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan serta keperluan setiap golongan masyarakat di negara ini.

"Perkara yang diberi penekanan ialah dalam membantu golongan yang memerlukan agar mereka dapat menjalani kehidupan yang selesa.

"Pada masa yang sama, penglibatan penyumbang melalui platform tanggungjawab sosial korporat dengan YKN membolehkan lebih ramai golongan sasar dapat dibantu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Iftar Sinar Kasih Ramadan YKN di sebuah hotel di sini kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 200 golongan sasar diraikan antaranya dari Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol Sri Aman, Pusat Pemulihan Samarahan dan penghuni Anjung Singgah YKN.

Terdahulu, seramai 500 orang tetamu yang terdiri daripada Rakan Strategik YKN turut hadir pada majlis berkenaan.

Rakan strategik itu terdiri daripada jabatan agensi kerajaan, syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan dan individu yang menyumbang wang tunai, menaja, berkolaboratif serta menyokong usaha YKN.

# Pastikan kanak-kanak, remaja tidak terjerumus isu sosial - Nancy

BERNAMA




NANCY (dua, kanan) menyampaikan sumbangan kepada penghuni Rumah Seri Kenangan Cheras, Zainon Kasim (dua, kiri). FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan kanak-kanak dan remaja tidak terjerumus dalam isu sosial sehingga menggugat pembelajaran mereka di sekolah, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata kementerian yang berkaitan perlu bersama-sama menyumbang saranan kepada Majlis Sosial Negara bagi memperbaik keadaan sosial dalam negara.

"Saya harap semua pihak bertanggungjawab untuk turut menjaga anak-anak kita yang seharusnya teruskan pelajaran mereka, bukan membuat perkara lain.

"Kerisauan kita ialah berkenaan keadaan sosial dalam negara merangkumi perkara seperti ini. Kita mahu supaya yang menjadi tenaga pengajar mempunyai nilai-nilai yang sepatutnya sebagai seorang pendidik," katanya kepada pemberita pada majlis berbuka puasa bersama kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama 99 Speedmart di sini malam ini.

Beliau mengulas mengenai isu seorang guru wanita di sebuah sekolah menengah yang didakwa menjalinkan hubungan dengan pelajar lelakinya yang tular dalam media sosial.

Semalam, Ketua Polis Daerah Sepang Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusoff berkata polis menerima laporan pada 12 Dis lepas mendakwa suspek yang berumur 37 tahun mencabul mangsa, ketika mengulang kaji pelajaran bersama guru terbabit di perpustakaan.

Wan Kamarul Azran berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara tidak lebih 10 tahun dan sebatan.

Dalam perkembangan lain, Nancy berkata, lebih 1,600 Orang Kurang Upaya (OKU) telah ditawarkan pekerjaan melalui program *Job Coach* yang dilaksanakan KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Kami amat memerlukan sokongan syarikat kerana ramai (OKU) yang menyatakan mereka tiada pekerjaan," katanya.

*Job Coach* dilaksanakan oleh JKM dan beberapa agensi kerajaan serta pihak swasta sebagai satu cara sokongan pekerjaan untuk menolong OKU dalam pekerjaan yang melibatkan program latihan pekerjaan kepada individu OKU.

**Disiarkan pada: Mac 26, 2024 @ 12:10am**

# 200 recipients receive financial aid in Kuching for Ramadan

By NST Regional - March 25, 2024 @ 5:39pm




File pic credit (UKAS)

KUCHING: Yayasan Kebajikan Negara (YKN) has provided financial assistance to 200 individuals from its target groups this Ramadan, the Sarawak Public Communications Unit reported.

The aid distribution was announced during the Sinar Kasih Ramadan Iftar event recently.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said this was part of the government's focus on the welfare and needs of various community segments, particularly the underprivileged.

She said support for these groups was essential to ensure they experience a comfortable standard of living.

The collaboration between YKN and its partners through corporate social responsibility (CSR) initiatives was highlighted as a key factor in reaching and aiding more individuals in need.

Nancy praised the synergy between YKN and contributors for broadening the impact of their welfare programmes.

The iftar event saw participation from approximately 500 guests, including representatives from government agencies, corporate entities, non-governmental organisations (NGOs), and individuals.

# Govt revising law to enhance rights of differently-abled

QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI

25-03- 2024 04:57 PM



*Pix provided by Khu Li Huang*

**PETALING JAYA:** The Women, Family and Community Development Ministry is reviewing the Persons with Disabilities Act 2008 to enhance their rights, including accessibility to employment.

Its spokesperson said employers have an obligation under Section 685 of the Act to provide the group with equal opportunities, equal remuneration for work of equal value and safe working conditions.

"The ministry is aware of the challenges faced by differently-abled persons in accessing employment opportunities and we hope to finalise the amendments to possibly table the Bill in the Dewan Rakyat this year," she said.

She was commenting on *theSun's* report on March 20, which highlighted the story of wheelchair-bound Khu Li Huang, 40, who has been experiencing discriminatory hiring practices as a person with disability.

Khu has a Bachelor of Arts and a Master of Social Science degree majoring in Anthropology and Sociology from Universiti Sains Malaysia. She became a person with disability at age 16 after she was hit by a lorry while on the way to school in 1999.

When seeking employment, Khu faced rejections each time a potential employer realised she was disabled. Among the reasons that were given to her was the lack of disabled-friendly facilities at the workplace.

Khu urged the government to look into the discriminatory practices faced by the differently-abled and provide them with equal access to employment opportunities, especially in government sectors.

The Women, Family and Community Development Ministry's spokesperson told *theSun* it encourages the differently-abled community to report instances of employment discrimination to the authorities.

"They can file complaints with the Human Resources Ministry or the Human Rights Commission of Malaysia to seek redress. The differently-abled should also be aware of their rights.

"Reporting such discrimination helps them seek redress and is also a crucial step towards promoting equality, accountability and social justice at the workplace."

She said the ministry has also partnered with the National Council for Persons with Disabilities to establish an Employment Committee that ensures equal employment opportunities.

"The committee also evaluates the effectiveness of policies and programmes designed for the differently-abled to ensure they achieve their full and effective participation.

"We are hopeful through this collaboration, significant strides can be made to foster inclusivity and empower the differently-abled in the workforce."

UiTM Faculty of Business Management (Human Resources) senior lecturer Dr Muhammad Aiman Arifin said discrimination often occurs when employers fail to recognise the abilities of differently-abled persons.

"It is crucial to view the differently-abled as equals, despite the constraints they may be facing. Many fail to recognise when we prioritise competency over disabilities, we embrace an additional asset for an organisation."

Muhammad Aiman said it is important that employers ensure the differently-abled have access to suitable facilities in their organisations.

He said with support, the differently-abled can feel valued, just like other employees, thereby sustaining a fair working environment.

"Many laws in Malaysia protect the differently-abled from discrimination, yet the issue persists. Employers must assume responsibility and strike a balance between their needs and those of the differently-abled."

He said the government efforts to revise policies and regulations aimed at improving employment opportunities for the differently-abled is a positive step.

"But a comprehensive guideline is needed to harmonise the policies with the mindsets of organisations so employers realise a differently-abled worker is also a valuable asset as long as he or she can contribute positively. In the workforce, our focus should centre on their abilities and what they can contribute, and provide employment that allows them to showcase their capabilities rather than focus on their disabilities."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIADA TOLAK ANSUR KESALAHAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SUSULAN CIKGU BERCINTA DENGAN PELAJAR

# Tiada tolak ansur kesalahan seksual

**Putrajaya:** Kementerian Pendidikan (KPM) menegaskan tiada tolak ansur terhadap kesalahan seksual di semua institusi pendidikan di bawah seliaannya.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan semalam, KPM memaklumkan pihaknya bersedia memberi kerjasama penuh kepada siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa mengenai siasatan ke atas seorang guru wanita yang didakwa melakukan kesalahan seksual terhadap pelajar lelaki berusia 17 tahun.

"KPM memandang serius kes salah laku seksual yang membabitkan guru dan murid seperti yang dilaporkan oleh media. Kes ini berada dalam perhatian KPM dan tindakan telah diambil mengikut garis panduan sedia ada," katanya.

KPM menyeru semua pihak melaporkan kes jenayah seksual supaya tindakan tegas dapat diambil.

"Institusi pendidikan di bawah KPM diminta mematuhi Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual yang berkuat kuasa untuk memelihara keselamatan dan kesejahteraan murid," katanya.

Ketua Polis Daerah Sepang Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusoff berkata, polis menerima laporan pada 12 Disember lalu yang mendakwa suspek yang berusia 37 tahun mencabul mangsa, ketika mengulang kaji pelajaran bersama guru terbabit di perpustakaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ZERO TOLERANCE FOR SEXUAL MISCONDUCT, SAYS MINISTRY | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

TEACHER-STUDENT RELATIONSHIP

# Zero tolerance for sexual misconduct, says ministry

**KUALA LUMPUR:** The Education Ministry (MoE) says it has zero tolerance for sexual misconduct in all its educational institutions.

The ministry released a statement yesterday, referring to news of a school teacher being investigated by police for allegedly grooming her Form Five student.

"These cases are under the ministry's scrutiny and action has been taken in accordance with existing guidelines.

"The ministry is also ready to provide full cooperation to the ongoing investigations by the authorities," the statement said.

"There is no tolerance for sexual misconduct in MoE educational institutions. Therefore, all parties are urged to report cases of sexual crimes so that strict action can be taken."

> *"There is no tolerance for sexual misconduct in MoE educational institutions. Therefore, all parties are urged to report cases of sexual crimes so that strict action can be taken."*
>
> Education Ministry statement

It added that all educational institutions under the ministry were required to adhere to guidelines for managing sexual misconduct to safeguard the wellbeing of students.

Following police confirmation, the accused female teacher had been referred to a hospital for checks.

Sepang district police chief Assistant Commissioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof said the woman, 37, had been referred to the hospital after the police found bruise-like red marks on the neck of the student.

# KPWKM ambil serius isu guru bercinta dengan murid — Nancy

Oleh **HAMIZAH GUNAWAN**

**PRIMER**

Isnin, 25 Mac 2024
9:36 PM MYT




Nancy menyeru golongan guru menjalankan tanggungjawab dengan telus sebagai pendidik.

**KEMENTERIAN** Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyifatkan isu tular mengenai seorang guru yang menjalinkan hubungan cinta dengan muridnya sendiri perlu ditangani.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, buat masa ini, tiada sebarang akta wanita di bawah kementerian itu yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan kepada guru yang bertindak sedemikian.

"Mungkin ada kementerian lain bertanggungjawab, dari segi peraturan dan disiplinnya.

"Jika ia di bawah kami (KPWKM), mungkin mudah untuk saya berikan penjelasan, tetapi tidak," katanya dalam sidang media ketika Majlis Berbuka Puasa bersama Kumpulan Sasar KPWKM dengan kerjasama 99 Speedmart.

Tambahnya, KPWKM juga prihatin terhadap isu melibatkan golongan pendidik yang termasuk dalam rangkuman pembangunan sosial negara.




*Nancy ketika memberi ucapan di majlis tersebut.*

Nancy berkata, pihaknya menyeru agar para guru dapat menjalankan tugas dengan sebaik mungkin bagi mengatasi masalah tersebut.

"Sebab itu kita ada Majlis Sosial Negara (MSN) yang ditubuhkan untuk pembangunan sosial negara yang merangkumi perkara seperti ini.

"Kita mahu supaya para tenaga pengajar mempunyai nilai-nilai sepatutnya sebagai seorang pendidik," katanya.

Beliau turut berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan kementerian lain bagi mencari jalan penyelesaian dan memperbaiki keadaan sosial dalam negara.

Menurutnya, terdapat pelbagai usaha yang dilakukan kerajaan untuk memfokuskan pelajar kepada perkara positif.

Terdahulu, tular sebuah video memaparkan seorang guru dipercayai sudah berkahwin sedang berdua-duaan dengan pelajar lekakinya di tepi pantai.

Guru wanita berusia 37 tahun itu dilaporkan bercinta dengan pelajar lelaki berusia 17 tahun walaupun sudah mempunyai suami dan lima orang anak.

Susulan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menegaskan bahawa tidak akan bertolak ansur terhadap kesalahan seksual di institusi pendidikannya.

Sementara itu, kes tersebut juga sedang dalam siasatan pihak polis. — ***Majoriti***

# JKM Kelantan dedah pengemis raih pendapatan sehingga lima angka pada Ramadan

25-03- 2024 05:10 PM



Gambar hiasan/BERNAMAPix

**PASIR MAS**: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan mendedahkan pengemis di negeri ini mampu meraih pendapatan sehingga lima angka sepanjang Ramadan.

Pengarah JKM negeri Said Sudip yang mengesahkan perkara itu berkata berdasarkan hasil operasi bersepadu yang dijalankan mendapati seorang pengemis mampu memperoleh pendapatan melebihi RM300 sehari.

"Memang setiap tahun aktiviti ini menjadi trend pada Ramadan malah jumlah pengemis juga meningkat sama ada dalam kalangan penduduk tempatan mahupun pendatang terutamanya dari Thailand.

"Antara alasan yang sering diberikan oleh pengemis ini tiada pendapatan, wang tidak cukup, kes mental dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan Pasca Banjir Sempena Program Kembali Ke Sekolah 2024 di Sekolah Kebangsaan Rahmat, di sini hari ini.

Said berkata ada juga warga tempatan dan pendatang yang sihat tubuh badan berpura-pura sakit atau cacat bagi meraih simpati orang ramai dan sikap pemurah penduduk tempatan turut menjadi faktor peningkatan aktiviti mengemis.

JKM Kelantan telah menahan 25 pengemis berusia lingkungan 30 hingga 70 tahun dalam tiga operasi berkala sepanjang Ramadan ini dan satu operasi bersepadu yang dilakukan bersama pihak berkuasa tempatan dan beberapa agensi penguat kuasa.

"Pengemis asing akan diserahkan kepada pihak imigresen untuk tindakan lanjut manakala amaran akan diberikan kepada pengemis tempatan bagi mengekang aktiviti itu," katanya. -*Bernama*

# Dikhuatiri didalangi sindiket, manipulasi kanak-kanak

Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my




ROSNAH Sardi (tengah) memberi penerangan mengenai kempen 'Bijak Membantu Elak Tertipu' kepada pengunjung. FOTO Bernama

Nilai: Orang ramai digalakkan supaya tidak memberi sumbangan kepada golongan pengemis di bazar Ramadan kerana dikhuatiri didalangi sindiket jenayah.

Modus operandi pengemis yang memanipulasikan kanak-kanak untuk meraih simpati pengunjung juga didapati menyalahi Akta Kanak-Kanak 2001.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan, Rosnah Sardi berkata, pihaknya tidak menghalang orang ramai untuk memberi sumbangan kepada golongan itu, namun digalakkan menyumbang ke saluran yang betul.

"Kami harapkan orang ramai beri sumbangan kepada pihak yang betul dan tidak beri kepada pengemis kerana dikhuatiri ada unsur jenayah di sebaliknya," katanya.

Rosnah berkata demikian ketika operasi membanteras pengemis di empat lokasi di sekitar Nilai yang turut disertai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di sini, petang semalam.

Tambahnya, berdasarkan tinjauan pihaknya beberapa hari lalu memang terdapat wanita yang mengemis di salah satu bazar Ramadan bersama seorang kanak-kanak, namun mereka tidak kelihatan ketika operasi berkenaan .

"Tinjauan mendapati seorang wanita bawa kanak-kanak, tidak pasti sama ada anak kandung atau sebaliknya.

"Modus operandi pengemis adalah dengan membawa anak kecil membuatkan pengunjung rasa kasihan untuk beri sedekah lebih-lebih lagi dengan cuaca panas sekarang.

"Perbuatan ini tidak seharusnya berlaku kerana mereka memanipulasi kanak-kanak yang juga satu jenayah dan boleh diambil tindakan. Harap orang ramai berhenti beri kerana mereka tidak wujud, jika (orang ramai) tidak beri (derma).

"Kami galakkan masyarakat supaya memberi sumbangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) berdaftar atau institusi masjid supaya sumbangan dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran yang betul," katanya.

**Disiarkan pada: Mac 25, 2024 @ 8:54am**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2,417 PENERIMA TERIMA SUMBANGAN MENERUSI PROGRAM SEJAMBAK KASIH AIDILFITRI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 2,417 penerima terima sumbangan menerusi Program Sejambak Kasih Aidilfitri

**KOTA SAMARAHAN:** Seramai 2,417 penerima dari bahagian Samarahan menerima sumbangan menerusi Program Sejambak Kasih Aidilfitri di Masjid Al-Muttaqin Bahagian Samarahan.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Komuniti Datuk Mohammad Razi Sitam pada majlis simbolik yang dihadiri 150 penerima bantuan bulanan kebajikan bahagian Samarahan.

"Sejambak Kasih Aidilfitri adalah untuk meringankan beban kewangan serta menceriakan penerima bantuan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Ia juga membantu meningkatkan kualiti hidup di kalangan keluarga yang kurang berkemampuan," katanya sewaktu berucap pada majlis berkenaan semalam.

Para penerima membawa pulang hamper bernilai RM80 dan wang tunai RM100 masing-masing. Sementara yang tidak hadir akan didepositkan wang ke akaun masing-masing.

Pada majlis yang sama, Razi berkata Kerajaan Sarawak melalui program yang dikendalikan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) telah membelanjakan RM1,662,400 bagi 16,624 penerima untuk 12 bahagian di Sarawak.

Menerusi jumlah itu Kuching mempunyai 4,524 orang penerima, Samarahan (2,486), Serian (349), Sri Aman (734), Betong (2,216), Sarikei (359), Sibu (759), Mukah (2,374), Kapit (98), Bintulu (601), Miri (967) dan Limbang (1,157).

Dalam perkembangan lain, bermula Januari hingga Februari 2024, JKMS telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM42,963,250 untuk 54,040 penerima bantuan bulanan di seluruh Sarawak.

"Ini merupakan peruntukkan bantuan yang paling besar dan pecahan bantuan ini termasuk Bantuan Warga Emas (BWE), Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Top Up (Kerajaan Negeri) , Bantuan Am (BA), Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Anak Pelihara (BAP) dan Bantuan Belia-Beliawanis (BBB).

Pada masa yang sama, bemula Januari hingga Mac 2024, Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM1,392,230 untuk 3,582 penerima bantuan bulanan di Samarahan.



**GEMBIRA:** Mohamad Akif Mohd Norhaizan, 8, ditemani ibunya Rosma Daud (dua kiri) menerima bantuan kerusi roda sumbangan JKMS yang disampaikan oleh Razi (empat kiri) pada majlis itu semalam.




*Datuk Mohammad Razi Sitam menyampaikan sumbangan Sejambak Kasih Aidilfitri Bahagian Samarahan di Masjid Al-Muttaqin hari ini. Foto TVS*

# 2,417 penerima bantuan JKM Bahagian Samarahan terima sumbangan Sejambak Kasih Aidilfitri

*By TVS* #bm, Berita Sarawak **March 25, 2024**

KOTA SAMARAHAN, 25 Mac: Seramai 2,417 penerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Samarahan menerima sumbangan masing-masing menerusi program Sejambak Kasih Aidilfitri sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datuk Mohammad Razi Sitam berkata, program itu yang merupakan program tahunan JKM ketika musim perayaan dilaksanakan di seluruh Sarawak membabitkan seramai 16,624 penerima melibatkan peruntukan berjumlah RM1.6 juta.

"Ini (Program Sejambak Kasih Aidilfitri) akan dikendalikan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian masing-masing masing dengan sesetengah bahagian mengadakan program tersebut lebih daripada dua kali disebabkan bahagian tersebut mempunyai lebih daripada satu daerah.

"Pelaksanaan program ini kita serahkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarat di bahagian berkenaan bagaimana mereka mahu melaksanakannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan Sejambak Kasih Aidilfitri Bahagian Samarahan di Masjid Al-Muttaqin di sini hari ini.

Seramai 150 penerima hadir dalam majlis terbabit menerima sumbangan bantuan wang tunai berjumlah RM100 serta hamper bernilai RM80.

Menurut Mohammad Razi, bagi tempoh Januari hingga Februari tahun ini, JKM telah menyalurkan bantuan berjumlah RM42.9 juta kepada 54,040 penerima bantuan bulan jabatan berkenaan.

Daripada jumlah itu, seramai 3,582 penerima merupakan mereka yang berasal dari Bahagian Samarahan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM4.1 juta. -TVS

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'NO LEGAL ACTION AGAINST MUM OF NEWBORN PLACED IN BABY HATCH' | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'No legal action against mum of newborn placed in baby hatch'



Sam Chua Jia Yeung
samchuajy@theborneopost.com




The baby hatch facility located near the entrance of BMC does not have CCTV coverage so as to offer complete privacy to the parents.

**KUCHING:** The biological mother of a newborn who was placed inside a baby hatch facility at Borneo Medical Centre (BMC) here in the early hours of Sunday has been urged to come forward to assist in the registration of the baby girl with National Registration Department.

Assuring the mother of complete anonymity, Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Dato Sri Fatimah Abdullah said no legal action would be taken against the parents as the newborn was found in a healthy and safe condition.

"I would like to appeal to the biological parents to help us in registering the baby with the department so that the newborn can be classified as a citizen of Malaysia," she said during a press conference at Borneo Medical Centre here yesterday.

Without the biological mother coming forward, Fatimah said the newborn's citizenship status will be classified as 'not determined' – otherwise known as stateless – and this would result in a prolonged adoption process later through the court orders.

"We would like the child to have a citizenship. If the mother comes forward and she is a citizen of Malaysia, then the child will follow the citizenship of the mother and be classified as a citizen of the country," she said.

She informed that a note was placed inside the facility together with the baby, stating that the newborn was a girl and was born on Saturday.

"An alarm at the baby hatch facility at BMC was triggered at 5.50am on Sunday after the newborn was detected to have been placed inside.

"A medical team from BMC's emergency ward then immediately attended to the newborn before the baby girl was transferred to Sarawak General Hospital for further evaluation.

"The alarm will be triggered 60 seconds after the door for the baby hatch facility has been closed."

Commenting further, Fatimah said the police have also confirmed no action will be taken against the biological mother as there was no element of abuse found on the newborn's body and the child was placed in a safe environment.

With the presence of the biological parents, Fatimah further explained, the adoption process of the child with the prospective adoptive parents will be simpler and can be shortened to one day only at the district office, instead of two years through the court process.

The biological parents can also be a part of the selection process of the adoptive parents best suited to care for their newborn, Fatimah added.

Fatimah highlighted the basic principle of setting up a baby hatch facility was to provide anonymity to the parents placing their newborn there and at the same time, reducing cases of baby dumping.

"Any lives, even a single life, saved is a precious life," said Fatimah.

The minister commended BMC for setting up the baby hatch facility in October last year. BMC remains the sole provider of such service in the state.

The area of the facility is also not covered by any closed-circuit television (CCTV) to accord the needed privacy to the parents.

The biological mother of the newborn can contact Fatimah via WhatsApp on 013-8063635 to assist in registering the child.

Fatimah also shared that there have been four cases of baby dumping this year and a total of 54 cases between 2016 and 2023.

# OSTPC sedang kesan ibu bayi yang diletakkan dalam 'baby hatch' BMC

2024-03-25T20:24:45+08:00




Gambar menunjukkan pusat perlindungan bayi atau 'baby hatch' di Borneo Medical Centre Kuching. – *Gambar Sam Chua*

KUCHING: Jawatankuasa Pusat Sehenti Remaja Hamil (OSTPC) sedang mengesan ibu kandung kepada seorang bayi perempuan yang diletakkan dalam pusat perlindungan bayi atau 'baby hatch' di Borneo Medical Centre Kuching (BMC) di sini pada 24 Mac 2024.

Pengerusi OSTPC Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, bayi berkenaan diletakkan di situ sekitar jam 5.50 pagi Ahad dan penilaian awal oleh pakar pediatrik hospital tersebut mendapati bayi berada dalam keadaan sihat, stabil dan tidak menunjukkan sebarang unsur penderaan atau masalah kesihatan.

Menurut Fatimah, turut ditinggalkan bersama bayi tersebut adalah nota dalam bahasa Inggeris yang antara lainnya menyatakan 'ibu meninggalkan saya di sini untuk kehidupan yang lebih baik dan dia berhadapan masalah kewangan sekarang dan perlu menjaga abang saya'.

"Bagi pihak OSTPC Sarawak, saya merayu kepada ibu kandung bayi yang diselamatkan untuk berjumpa terus dengan saya atau mana-mana pelindung kanak-kanak di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak secara peribadi dan secara rahsia demi kepentingan bayi tersebut.

"Kami menjamin kerahsiaan ini, anda boleh menghubungi saya secara perseorangan di talian +60138063635 supaya urusan mendaftar bayi ini dapat dilakukan dengan sebaik mungkin berdasarkan status kewarganegaraan ibunya," ujar Fatimah pada sidang media di BMC di sini, hari ini.




(Dari kiri) Colliner, Fatimah dan Dr Kenneth Tan semasa sidang media.

Fatimah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti turut memberi jaminan bahawa ibu kandung berkenaan tidak perlu bimbang sekiranya tampil ke hadapan kerana perbuatan meletakkan bayi di pusat perlindungan bayi bukanlah satu kesalahan.

"Ibu kandung barangkali takut berhadapan kemungkinan didakwa di mahkamah sekiranya tampil ke hadapan kerana telah meletakkan bayi ini di pusat perlindungan bayi.

"Kita sudahpun bertanya kepada PDRM dan telah diberi jaminan bahawa berdasarkan kepada laporan pihak hospital, sekiranya tiada unsur penderaan terhadap bayi dan bayi tidak diletakkan di tempat berbahaya malah diletakkan di tempat selamat, ibunya tidak akan didakwa," katanya.

Jelasnya, pencarian ibu kandung bayi tersebut adalah penting agar kelahiran bayi dapat didaftarkan dengan status kewarganegaraan Malaysia sekiranya ibu kandung merupakan orang tempatan.

"Jika tidak, maka status bayi tidak dapat ditentukan atau tidak mempunyai kewarganegaraan. Manakala sekiranya bayi mempunyai status kewarganegaraan Malaysia, maka lebih mudah untuk pasangan yang layak untuk mengangkat anak tersebut.

"Bagaimanapun, jika bayi tersebut tidak mempunyai kewarganegaraan Malaysia, maka proses pengangkatan menjadi lebih rumit.

"Keluarga yang berhasrat untuk mengangkat (bayi tersebut) perlu ke mahkamah bagi mendapatkan hak penjagaan dan perisytiharaan anak pelihara selama dua tahun terlebih dahulu," jelas Fatimah.

Beliau menambah, sekiranya ibu kandung kepada bayi yang diselamatkan tampil untuk membantu bagi mendapatkan sijil lahir, maka anak tersebut boleh diangkat di hadapan Pegawai Daerah Kuching kepada keluarga yang dipilih atau dipersetujui oleh ibu kandung sendiri.

Menurutnya juga, terdapat jangka masa selama sebulan diberikan kepada ibu kandung tampil ke hadapan sekiranya dia memutuskan untuk mengubah fikiran ataupun mahu mengambil semula bayi itu.

"Apabila tempoh itu tamat dan sekiranya ibu kandung tidak tampil, maka kita akan teruskan dengan proses berikutnya," jelas beliau.

Fatimah dalam pada itu menyatakan pusat perlindungan bayi adalah sangat penting sekali gus merakamkan penghargaan kepada BMC Kuching atas jasa menyelamatkan bayi melalui pusat yang disediakan.

"Ini adalah bayi pertama yang diselamatkan melalui fasiliti pusat perlindungan bayi BMC mengikut SOP yang telah ditetapkan. Bagi pihak OSTPC Sarawak, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan dan pengurusan BMC Kuching," katanya.

Untuk rekod, BMC menyediakan tempat yang selamat untuk bayi (pusat perlindungan bayi) sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya bagi menyokong sistem sokongan sosial dalam komuniti agar pembuangan bayi di tempat-tempat tidak selamat dan tidak sepatutnya dapat dikurangkan.

Kawasan pusat perlindungan bayi tersebut adalah tersembunyi, tiada pengawasan kamera litar tertutup (CCTV) dan menerusinya, identiti ibu bapa bayi tidak akan diketahui.

Ia merupakan cara yang lebih baik dan selamat untuk ibu dan bayi, selain membolehkan bayi menerima penjagaan, rawatan dan perhatian perubatan yang sewajarnya.

Hadir sama, pemangku Setiausaha Tetap Colliner Gohe dan Pengurus Besar BMC Dr Kenneth Tan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KES JENAYAH SEKSUAL BABIT KANAK-KANAK DI PERLIS MENINGKAT | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kes jenayah seksual babit kanak-kanak di Perlis meningkat

**Kangar:** Kes jenayah seksual terutama dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di negeri ini meningkat sebanyak 30 peratus dalam tempoh empat tahun sejak 2019 lalu.

Malah terdapat remaja seawal usia 13 dan 14 tahun sudah mengandung akibat terbabit dalam kes seksual berkenaan.

Ketua Polis Perlis Datuk Muhammad Abdul Halim berkata, pihaknya sering menerima laporan kes jenayah seksual membabitkan kanak-kanak termasuk amang seksual.

"Dari 2019 hingga tahun lalu, kita melihat peningkatan sebanyak 30 peratus kes jenayah seksual dan berdasarkan kajian kita, ia banyak dilaporkan berlaku di kawasan luar bandar.

"Antara perlakuan jenayah seksual dilaporkan seperti amang seksual, sumbang mahram, rogol dan rogol berkumpulan di mana kebanyakan mangsa terdiri daripada remaja dan ada juga kanak-kanak.

"Dalam hal ini, ada yang didapati hamil seawal usia 13 dan 14 tatkala mereka masih berada di bangku sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis Peringatan Hari Polis Ke-217 Peringkat Kontinjen Perlis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis di sini, semalam.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'SEXUAL MISCONDUCT IN SCHOOLS UNACCEPTABLE' | | | |
| HARI : | SELASA | | AKHBAR : | THE SUN |
| TARIKH : | 26 MAC 2024 | | M/SURAT : | 03 |
| TONE : | POSITIF | | SEKTOR : | KPWKM |

# 'Sexual misconduct in schools unacceptable'

**PUTRAJAYA:** The Education Ministry will not compromise on sexual misconduct in all educational institutions under its jurisdiction.

The ministry also gave an assurance of full cooperation to the authorities with regard to a female teacher who was alleged to have committed sexual misconduct against a 16-year-old male student.

"The ministry views seriously the issue of sexual misconduct involving a teacher and a student as reported by the media.

"The case is under the attention and actions have been taken according to existing guidelines," it said in a statement yesterday.

The ministry also urged all parties to report cases of sexual crimes for firm action to be taken.

"Educational institutions under the ministry are urged to adhere to the Sexual Misconduct Management Guidelines aimed at preserving the safety and well-being of students."

On Sunday, Sepang police chief ACP Wan Kamarul Azran Wan Yusoff said police received a report on Dec 12 alleging that the 37-year-old suspect molested the victim while revising lessons in the library. Investigation is being carried out under Section 14 of the Sexual Offences Against Children Act, he said. – Bernama

# Jenayah seksual meningkat di Perlis

Aizat Sharif
am@hmetro.com.my



MUHAMMAD Abdul Halim. FOTO Aizat Sharif

Kangar: Kes jenayah seksual terutama dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di negeri ini meningkat sebanyak 30 peratus dalam tempoh empat tahun sejak 2019 lalu.

Malah, terdapat remaja seawal usia 13 dan 14 tahun sudah mengandung akibat terbabit dalam kes seksual berkenaan.

Ketua Polis Perlis, Datuk Muhammad Abdul Halim berkata, pihaknya sering menerima laporan kes jenayah seksual membabitkan kanak-kanak termasuk amang seksual.

"Dari 2019 hingga tahun lalu, kita melihat peningkatan sebanyak 30 peratus kes jenayah seksual dan berdasarkan kajian kita, ia banyak dilaporkan berlaku di kawasan luar bandar.

"Antara perlakuan jenayah seksual dilaporkan seperti amang seksual, sumbang mahram, rogol dan rogol berkumpulan di mana kebanyakan mangsa terdiri daripada remaja dan ada juga kanak-kanak.

"Dalam hal ini, ada yang didapati hamil seawal usia 13 dan 14 tatkala mereka masih berada di bangku sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis Peringatan Hari Polis Ke-217 Peringkat Kontinjen Perlis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis, di sini, hari ini.

Katanya, siasatan yang dijalankan juga mendapati ada antara mangsa mengenali pelaku bermula di platform media sosial.

"Mangsa mula berkenalan dengan pelaku menerusi laman media sosial dan perbincangan seksual ini dimulakan dengan bersembang di laman maya terlebih dahulu.

"Ia kemudian dilanjutkan ke peringkat seterusnya sehingga mewujudkan hubungan seks secara fizikal dan terlanjur hamil

"Perkembangan membimbangkan ini mendorong kita mempergiatkan lagi usaha memberi kesedaran kepada masyarakat dalam menangani jenayah seksual berkenaan," katanya.

Katanya, ia termasuk bekerjasama dengan Jabatan Mufti Negeri Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs).

Terdahulu, Muhammad menyampaikan sijil kepada lebih 30 penerima termasuk 19 petugas media Perlis atas kerjasama menyampaikan berita terhadap usaha dan kejayaan polis di negeri ini.

Turut hadir, bekas Ketua Polis Perlis iaitu Datuk Surina Saad dan Datuk Zul Aznam Haron.

Disiarkan pada: Mac 25, 2024 @ 1:01pm

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERJUANG HAK WANITA TUNTUT PENDEKATAN PELBAGAI DIMENSI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Perjuangan hak wanita tuntut pendekatan pelbagai dimensi

**Yasmin Ooi,**
Seri Kembangan

**Seruan** memperkasakan wanita dan kesamarataan gender bergema lebih kuat daripada sebelum ini. Ia bukan sahaja satu keperluan moral, bahkan tuntutan strategik untuk mencapai pembangunan mampan serta mencipta masyarakat lebih adil.

Walaupun terdapat kemajuan signifikan beberapa dekad kebelakangan ini, ketidakseimbangan gender masih wujud dalam pelbagai aspek kehidupan daripada pendidikan dan pekerjaan hingga politik serta pembuat keputusan.

Mengatasi ketidakseimbangan ini memerlukan usaha bersama untuk meruntuhkan halangan dan mencipta peluang bagi wanita berkembang.

Pendidikan menjadi asas bagi pemerkasaan wanita. Menerusinya, mereka memperoleh pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk mengejar aspirasi serta menyumbang secara bermakna kepada masyarakat.

Malangnya, berjuta-juta wanita di seluruh dunia dihalang daripada mendapat akses kepada pendidikan berkualiti disebabkan pelbagai faktor sosio-ekonomi, sekali gus tidak banyak memberi pilihan kepada mereka melainkan meneruskan kitaran kemiskinan dan ketidakadilan.

Bagi memutuskan kitaran ini, kerajaan dan pihak berkepentingan harus memberi keutamaan kepada pendidikan bagi wanita, memastikan peluang sama untuk semua kanak-kanak tanpa mengira jantina.

Selain itu, memperkasakan wanita dari segi ekonomi adalah penting untuk mengurangkan kemiskinan dan memupuk pertumbuhan inklusif. Wanita memberikan sumbangan besar kepada ekonomi di seluruh dunia, tetapi mereka sering menghadapi akses sempit terhadap sumber, pasaran serta peluang pekerjaan.

Menutup jurang gender dalam pekerjaan dan keusahawanan tidak hanya memberi manfaat kepada wanita secara individu, bahkan memacu pembangunan ekonomi dalam skala lebih luas.

Inisiatif seperti program mikro kewangan dan latihan vokasional boleh melengkapi wanita dengan faktor diperlukan untuk berjaya dalam pasaran tenaga kerja dan elak pergantungan kewangan.

Selanjutnya, mencapai kesamarataan gender memerlukan penyelesaian diskriminasi sistemik dan prasangka masih wujud dalam pelbagai bidang. Wanita masih menghadapi halangan dalam mengakses jawatan kepemimpinan, menyertai proses pembuatan keputusan dan melaksanakan hak mereka.

## Benar suara wanita didengari

Mempromosikan dasar responsif gender dan langkah tindakan kukuh boleh membantu menyamakan peluang serta mencipta persekitaran lebih inklusif, sekali gus membenarkan suara wanita didengar dan dihargai.

Perlu diingat, membela hak wanita bukan bermaksud perjuangan golongan hawa sahaja, sebaliknya ia keperluan hak asasi manusia. Lelaki juga harus terbabit dalam hal ini sebagai sekutu dalam perjuangan untuk kesamarataan gender, mencabar norma serta tingkah laku tradisional meneruskan diskriminasi dan keganasan terhadap wanita.

Ia boleh dilaksanakan menerusi mempromosikan maskuliniti positif dan memupuk hubungan saling menghormati. Menerusinya, lelaki boleh menyumbang kepada penciptaan komuniti lebih selamat dan adil untuk semua.

Media dan budaya popular berperanan penting dalam membentuk persepsi serta sikap terhadap peranan gender. Mereka boleh memecahkan naratif masyarakat yang merugikan dengan lebih mempromosikan dan mencabar stereotaip.

Dalam bidang politik, meningkatkan perwakilan dan penyertaan wanita adalah penting untuk memastikan pelbagai perspektif tercermin dalam proses pembuatan keputusan.

Kuota dan reformasi pilihan raya dapat membantu meningkatkan perwakilan politik wanita, tetapi usaha berterusan diperlukan untuk menangani halangan mendasari seperti norma budaya serta kekurangan rangkaian sokongan.

Memperkasakan wanita dari segi politik bukan sahaja mengukuhkan demokrasi, bahkan menghasilkan pentadbiran lebih efektif dan inklusif.

Kesimpulannya, mencapai pemerkasaan wanita dan kesamarataan gender perlukan pendekatan pelbagai dimensi mengatasi ekonomi, sosial, budaya dan politik.

Ia menuntut komitmen kerajaan, masyarakat madani, sektor swasta dan individu untuk meruntuhkan halangan sistemik serta mencipta dunia lebih adil dan saksama untuk semua.

Menerusi usaha pemerkasaan wanita, kita membina landasan untuk masa depan lebih cerah dan sejahtera bagi generasi akan datang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOPE PLACE SUPPLIES ADULT DIAPERS TO AILING STROKE SURVIVOR | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 26 MAC 2024 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Hope Place representative Griffin (left) with Amat.

# Hope Place supplies adult diapers to ailing stroke survivor

**KUCHING:** Hope Place Kuching is supplying adult diapers to an ailing senior citizen who suffered a stroke last year.

Amat Malik Chonong, 62, lives with his two children and five grandchildren in Kampung Haji Baki, and is suffering from multiple health problems, said the non-governmental organisation in a release yesterday.

"Pakcik (Uncle) Amat suffered a stroke last year and is still recovering. Mumbling with a soft low voice, he is unable to walk without assistance.

"Back in 2019, Pakcik Amat had undergone heart surgery at the National Heart Institute (IJN) in Kuala Lumpur and so, though only 62, he looks very much older and weak," said Hope Place, whose representatives visited the family recently.

Amat told Hope Place that he also has blurred vision, which could be a symptom of diabetes.

During the visit, it was noted that Amat's legs were discoloured and a bit swollen.

Hope Place said Amat lives with his son, Kamarul, 32, who works as an e-hailing driver, as well as his daughter who works at a coffee shop. Both his children are single parents.

"Although the family struggles financially and his family members are either busy earning money or at school, there is always a family member accompanying pakcik at home," said Hope Place.

Kamarul needs to juggle between taking care of his ailing father and his children, with his job offering him some flexibility in achieving this.

According to Hope Place, Kamarul's daily routine consists of sending his and his sister's children to school; helping his father in everything, which includes preparing meals and bathroom ablutions; while his three-year-old boy tags along with him.

"It is not easy being a single parent. We try to do our best for them. Plus, my sister and I are very worried for our ailing father," Kamarul told Hope Place.

It is also learnt that Amat had, with the help of the village headman, applied for assistance from the Welfare Department in 2022, but his application is still pending approval.

While Hope Place is providing Amat with adult diapers, it also delivered school supplies and toys for the youngest grandchild.

It extended its appreciation to the concerned public members who brought up Amat's plight.

To carry on helping more needy individuals and families, Hope Place welcomes all donations and will issue receipts upon request.

Donors can deposit directly to Hope Place's Maybank account 511289001160, or by scanning the S Pay Global QR code on its Facebook page.

For more information, call Hope Place on 082-505 987.

# Remaja dirogol teman lelaki

Oleh Ahmad Hasbi - Mac 25, 2024 @ 4:07pm
bhnews@bh.com.my




Foto hiasan

TAMPIN: Polis menahan seorang remaja lelaki di rumahnya di daerah ini selepas disyaki merogol kekasihnya berusia 15 tahun.

Suspek ditahan sepasukan anggota polis kira-kira jam 12.15 tengah malam pada 23 Mac lalu.

Kejadian dipercayai berlaku pada waktu siang 22 Mac lalu di rumah remaja perempuan itu, sebelum mangsa mengadu kepada ibunya dan kemudiannya membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendan Amiruddien Sariman, berkata siasatan awal mendapati remaja lelaki berusia 16 tahun itu dikatakan tidak bersekolah, manakala mangsa masih bersekolah.

"Satu laporan polis dibuat seorang wanita kira-kira jam 11.30 malam pada 22 Mac lalu menyatakan anak perempuannya berusia 15 tahun dirogol seorang lelaki dalam lingkungan usia 16 tahun dipercayai teman lelaki anak perempuannya.

"Kejadian dipercayai berlaku di rumah remaja perempuan itu di kawasan Tampin," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata, suspek direman mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

"Mangsa dibawa ke Hospital Tampin untuk pemeriksaan doktor dan kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan," katanya.

# Guru bahasa Arab diarah bela diri ke amang seksual

Oleh Alias Abd Rani - Mac 25, 2024 @ 2:16pm
bhnews@bharian.com.my




Ahnaf Afiq Shairul Bazri diarah membela diri terhadap tuduhan amang seksual terhadap muridnya dalam perpustakaan sekolah - Foto NSTP/Alias Rani

MUAR: Mahkamah Sesyen di sini, hari ini mengarahkan seorang guru membela diri atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap muridnya dalam perpustakaan di sebuah sekolah rendah di Panchor, Pagoh, lima tahun lalu.

Hakim Abu Bakar Manat membuat keputusan itu selepas mahkamah berpuas hati pihak pendakwaan yang berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh Ahnaf Afiq Shairul Bazri, 33.

Mahkamah kemudian menetapkan 12 dan 13 Mei serta 6 Jun ini untuk tertuduh membuat pembelaan.

Dalam penghakiman itu, mahkamah memberitahu, keputusan mengarahkan tertuduh membela diri dibuat dengan mengambil kira keterangan mangsa selaku saksi pendakwaan (SP) pertama yang boleh dipercayai.

"Selain itu, mahkamah juga mengambil kira keterangan sokongan dua rakan yang juga SP3 dan SP4.

"Mahkamah berpuas hati dan wujud prima facie seperti mana pertuduhan dikenakan terhadap tertuduh. Keterangan mangsa dan rakan sangat kredibiliti dan tidak ada sebab untuk berbohong atau mereka-reka cerita.

"Selepas meneliti semua keterangan ini, mahkamah memutuskan kamu (tertuduh) diarah membela diri," katanya.

Ahnaf Ariq yang juga guru Bahasa Arab dan sudah berkahwin didakwa melakukan amang seksual terhadap muridnya yang ketika itu berusia lapan tahun di perpustakaan sekolah terbabit, antara jam 10.20 hingga 11.20 pagi, 3 Oktober 2019.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Fizikal Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017, dan boleh dihukum mengikut seksyen sama dan dibaca bersama Seksyen 16 (a) akta sama.

Tertuduh juga bakal berdepan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan juga hukuman sebat, manakala Seksyen 16 (1) memperuntukkan hukuman pemenjaraan tidak melebihi lima tahun dan hendaklah dihukum sebatan tidak kurang dua kali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh diwakili Farid Aziz.

Farid memberitahu mahkamah anak guamnya memilih untuk bersumpah dari kandang saksi.

Seramai lima saksi pendakwaan dipanggil sepanjang tempoh perbicaraan berlangsung sejak 2021.

# Rogol remaja bawah umur, pekerja kurier kena dakwa lagi

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Muhamed Shahidan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas tuduhan merogol remaja, enam tahun lalu. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Pekerja syarikat penghantar barang yang sedang berhadapan empat pertuduhan rogol dan amang fizikal seksual sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini kerana didakwa merogol remaja bawah umur, enam tahun lalu.

Tertuduh Muhamed Shahidan Esa, 26, yang berdepan pertuduhan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Dia didakwa merogol mangsa berusia 16 tahun (ketika itu) di sebuah rumah di Kundang Ulu, Tangkak pada 1 pagi, 14 April 2018.

Pertuduhan terbaru ini adalah yang kelima dengan tertuduh boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh diwakili peguam Ahmad Nadzli Rizal.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak membenarkan ikat jamin memandangkan kesalahan dilakukan tertuduh serius.

Bagaimanapun, Ahmad Nadzli merayu mahkamah mempertimbangkan supaya anak guamnya dibenarkan ikat jamin pada kadar terendah.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin.

Pada masa sama, mahkamah mengarahkan tertuduh tidak mengganggu mangsa sehingga kes ini selesai.

Pada Julai 2022, tertuduh dihadapkan ke mahkamah sama atas empat pertuduhan rogol dan amang seksual fizikal membabitkan dua mangsa berbeza.

Disiarkan pada: Mac 25, 2024 @ 3:18pm